

BERITA HARIAN

DATE: 30/9/2009

# Nik Aziz jemput Dr M lihat pembangunan Kelantan

Menteri Besar nafi tuduhan bekas PM negeri masih mundur

Oleh Wan Faizal Ismayatim  
wfaizal@bharian.com.my

**K**OTA BHARU: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menjemput Tun Dr Mahathir Mohamad, melawat dan melihat sendiri pembangunan di bawah pentadbirannya di Kelantan.

Nik Aziz berkata, biar bekas Perdana Menteri melihat sendiri Kelantan dan tengok perbezaan yang ada sekarang berbanding sebelum beliau memegang jawatan Menteri Besar.

"Tak usah mari pejabat saya, dia tengok sendiri di Kota Bharu, Gua Musang, Pasir Puteh dan Tok Bali. Sebab itu saya jemput dia mari sendiri tengok dari segi pembangunan fizikal, sekarang ada KB Mall, ada Hotel Renaissance, ada pasar raya Tesco, ada

Parkson, ada Nirwana, dia boleh tengok sendirilah.

"Tak timbul langsung (perlu berundur seperti disarankan Dr Mahathir). Dia bercakap dengan barang (perkara) yang dia tak tahu," katanya kepada pemberita di Kota Darulnaim, di sini, semalam.

Semalam, akhbar memetik Dr Mahathir sebagai berkata, Nik Aziz perlu memberi laluan kepada pemimpin lain untuk memimpin Kelantan kerana sudah lama menjadi Menteri Besar tetapi Kelantan masih mundur dan beliau perlu bertanggungjawab atas perkara itu.

Minggu lalu, Nik Aziz mengulangi pendiriannya meminta Datuk Ibrahim Ali meletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen Pasir Mas, kerana tindak-tanduknya didakwa menaikkan kemarahan penyokong parti itu se-

lepas menang kerusi itu atas lambang Pas pada pilihan raya umum lalu.

Ibrahim dalam reaksinya pula mencabar Nik Abdul Aziz meletakkan jawatan kerana didakwa gagal melaksanakan tugas sebagai Menteri Besar selain atas alasan sudah tua dan wajar memberi laluan kepada pemimpin muda.

Sambil mempertahankan kenyataannya bahawa banyak pembangunan sudah dilaksanakan di Kelantan sejak Pas mengambil alih kerajaan negeri pada 1990, Nik Aziz berkata, Dr Mahathir mungkin

mendengar maklumat salah daripada pihak lain berhubung kemajuan di negeri ini.

"Bagi saya dia (Dr Mahathir) tak tahu, dia dengar orang lain bercakap. Dia kena mari sendiri (ke Kelantan), kalau pembangunan fizikal, dia tengok sendiri ketika Pas Kelantan pegang sekarang berbanding dulu.

"Setiap kali mesyuarat Exco, lebih 100 kertas (dibentangkan), kadang-kadang sampai 150 kertas, apa erti kertas banyak kalau bukan kerana banyak pembangunan," katanya.

Beliau berkata, sejak menadbir Kelantan, kerajaan negeri pimpinannya bukan saja melaksanakan pembangunan fizikal, tetapi aspek kerohanian yang mengubah pemikiran rakyat terhadap semua aspek berkaitan dasar Islam.

**“Kelantan sekarang ini bergerak atas Islam, halal haram kami ambil peduli”**

**Nik Abdul Aziz**  
Menteri Besar Kelantan